

05 MAR 2000

Umno-Batu Gajah

UMNO BAHAGIAN BATU GAJAH CALONKAN DR MAHATHIR DAN ABDULLAH

BATU GAJAH, 5 Mac (Bernama) -- Mesyuarat Perwakilan Umno Batu Gajah hari ini mencalonkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed untuk jawatan Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan Timbalan Presiden pada pemilihan parti Mei depan.

Mesyuarat itu yang diadakan petang ini turut mencalonkan Datuk Seri Najib Tun Razak, Datuk Abdul Ghani Othman dan Tan Sri Mohd Isa Samad bagi jawatan Naib Presiden.

Untuk jawatan Majlis Tertinggi Umno, bahagian itu mencalonkan kesemua tujuh calon dari Perak iaitu Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Mohd Nazri Aziz, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, Datuk Zainal Abidin Zin, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Datuk Abdul Aziz Samsuddin dan Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Yang lain ialah Menteri Besar Melaka Datuk Wira Ali Rustam dan Menteri Besar Pahang Datuk Adnan Yaakob, Datuk Shahrir Abdul Samad, Datuk Adam Kadir, Datuk Khalid Yunus, Datuk Mokhtar Hashim, Datuk Sharizat Jalil, Datuk Suleiman Mohamed, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, Datuk Dr Yusof Noor, Datuk Azmi Khalid, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Abdul Hamid Othman Datuk Lajim Ukin, Datuk Shafiee Afdal, Datuk Shariff Omar, Datuk Ibrahim Saad dan Datuk Mustpaha Mohamamed.

Sementara itu pergerakan Wanita Umno bahagian itu pula mencalonkan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan Ainon Khariyah Datuk Mohd Abas masing-masing untuk jawatan Ketua Wanita dan Naib Ketua.

Bagi Wanita Umno Bahagian Tapah yang bermesyuarat hari ini mereka mencalonkan Datuk Seri Rafidah Aziz untuk jawatan ketua dan Datuk Sharizat Jalil untuk jawatan naib ketua.

-- BERNAMA.

HK PR